

21/11/1997

MOM bincang calon chef-de-mission

Lukman Salleh

MAJLIS Olimpik Malaysia (MOM) akan menyenaraikan beberapa calon bagi jawatan chef-de-mission Sukan Komanwel XVI untuk dikemukakan kepada Kementerian Belia dan Sukan sebelum diputuskan.

Setiausaha MOM, Sieh Kok Chi, berkata pihaknya akan meminta semua persatuan sukan kebangsaan mencadangkan nama calon sesuai untuk memimpin kontinjen negara dalam sukan prestij bermula 11 September tahun depan itu.

Nama bakal calon akan dikemukakan dalam mesyuarat lembaga eksekutif MOM pada 10 Disember ini untuk disenaraipendekkan sebelum dimajukan kepada kementerian untuk pertimbangan.

"Ia adalah sukan terbesar dan saya rasa calon untuk chef-de-mission harus daripada mereka yang mempunyai masa meneliti segala persiapan atlit dan meninjau perjalanan sukan ini."

"Tanggungjawab sungguh besar dan kita akan buat pemilihan penuh teliti bagi memastikan chef-de-mission terbaik untuk memikul amanah itu."

"Saya juga berpendapat, kita harus melakukan pemilihan dengan kadar segera supaya segala-galanya berjalan lancar," kata Kok Chi selepas majlis penerimaan cek untuk anugerah emas Carlsberg - MOM bagi atlit Sukan Sea Jakarta, bulan lalu.

Menurutnya, MOM menyerahkan kepada budi bicara kementerian untuk membuat pemilihan dan akan menerima apa juga keputusan sekalipun senarai nama yang dikemukakan itu tidak terpilih.

Khamis lalu, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Mazlan Ahmad berkata calon chef-de-mission akan diumumkan Januari ini.

Mazlan berkata, dia mendapat arahan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, selepas mesyuarat Kabinet Rabu lalu meminta MOM mengenal pasti calon terbabit akhir bulan ini.

Dalam usaha pemilihan calon, MSN menyerahkan kepada kebijaksanaan MOM mendapatkan calon itu.

Muhyiddin pula berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi Majlis Sukan Komanwel Malaysia akan membuat keputusan melantik tokoh sesuai bagi memikul tanggungjawab mengelola dan menyelenggara pasukan negara.

Terdahulu, Carlsberg yang diwakili Pengurus Kanan Pengeluarannya, Soong Poh Wah menyerahkan cek RM56,400 kepada Naib Presiden MOM, Datuk Khalid Yunus.

Jumlah itu adalah bagi 55 emas yang dimenangi atlit negara dengan RM1,000 untuk emas individu, pasukan 10 peserta atau kurang menerima RM1,000 setiap pasukan dan RM100 bagi setiap atlit dalam pasukan lebih 10 atlit.

(END)